

UNTUK EDARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENGOPERASIAN INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BAGI KALENDAR
AKADEMIK PENGGAL 1, SESI 2022/2023**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa sesi persekolahan Penggal 1, Kalendar Akademik Sesi 2022/2023 bagi semua sekolah seluruh negara akan bermula pada 21 Mac 2022 mengikut ketetapan berikut:

(i) Sekolah Rendah Enrolmen Lebih 600 Murid

Murid berkeperluan khas (MBK) di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), prasekolah, Tahun 1, Tahun 2, Tahun 6 serta murid bawah program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) hadir secara bersemuka tanpa penggiliran. Murid Tahun 3, Tahun 4 dan Tahun 5 pula hadir secara penggiliran.

Semua ketetapan ini terpakai kepada murid sekolah swasta termasuk sekolah ekspatriat dan sekolah antarabangsa yang setara dengan sekolah rendah KPM. Ringkasan adalah seperti di **Jadual 1**.

(ii) Sekolah Rendah Enrolmen Kurang 600 Murid

KPM juga telah menetapkan bahawa semua murid sekolah rendah harian dan sekolah rendah swasta, termasuk sekolah ekspatriat dan sekolah antarabangsa yang mempunyai enrolmen keseluruhan kurang daripada 600 murid hadir secara bersemuka tanpa penggiliran.

Namun, bagi sekolah rendah swasta, termasuk sekolah ekspatriat dan sekolah antarabangsa yang enrolmen keseluruhan melebihi 600 murid, permohonan boleh dikemukakan kepada KPM untuk beroperasi sepenuhnya tanpa penggiliran. KPM akan membuat pertimbangan sebelum kelulusan diberikan. Ringkasan adalah seperti di **Jadual 2**.

(iii) Sekolah Menengah

Semua murid sekolah menengah menjalani Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) untuk tempoh dua (2) minggu mulai 21 Mac 2022. Semua murid akan hadir secara bersemuka tanpa penggiliran bermula pada 4 April 2022.

Semua ketetapan ini terpakai kepada murid sekolah swasta termasuk sekolah ekspatriat dan sekolah antarabangsa yang setara dengan sekolah menengah KPM. Ringkasan adalah seperti di **Jadual 3**.

(iv) Sekolah Berasrama Sepenuhnya

Murid Tingkatan 2, Tingkatan 3, Tingkatan 4, Tingkatan 5, Tingkatan 6, prauniversiti, *International Baccalaureate Diploma Programme* (IBDP) serta kelas peperiksaan antarabangsa yang setara di sekolah berasrama sepenuhnya menjalani PdPR untuk tempoh dua (2) minggu mulai 21 Mac 2022. Murid hadir secara bersemuka tanpa penggiliran bermula 4 April 2022.

Bagi murid Tingkatan 1 yang berjaya memasuki sekolah berasrama sepenuhnya, pendaftaran murid akan dilaksanakan secara dalam talian. Murid terlibat boleh memilih sama ada menjalani PdPR atau menumpang di sekolah harian yang berdekatan kediaman sehingga tarikh kemasukan ke sekolah berasrama diumumkan.

Namun, bagi sekolah swasta berasrama sepenuhnya yang mempunyai kapasiti untuk menguruskan keseluruhan murid, sekolah boleh beroperasi sepenuhnya termasuk murid baharu Tingkatan 1. Ringkasan adalah seperti di **Jadual 4**.

Kolej Vokasional, Kolej Matrikulasi dan Institut Pendidikan Guru

Pengoperasian Kolej Vokasional (KV) bagi murid Sijil Vokasional Malaysia (SVM) serta Diploma Vokasional Malaysia (DVM) diteruskan secara bersemuka tanpa penggiliran mengikut takwim pengajian akademik yg ditetapkan. Ringkasan pengoperasian adalah seperti di **Jadual 5**.

Bagi pengoperasian kolej matrikulasi (KM), murid dibenarkan pulang pada cuti pertengahan semester dan cuti perayaan serta kembali semula ke kolej secara berperingkat. Murid akan mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka di kolej dan bagi yang masih di rumah akan mengikuti PDPR. Murid KM yang telah menerima vaksin lengkap (dua dos) sahaja dibenarkan kembali ke kolej selaras dengan Garis Panduan Pengoperasian Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi 3.0. Ringkasan pengoperasian adalah seperti di **Jadual 6**.

Bagi Institut Pendidikan Guru (IPG) pula, semua program pengajian secara bersemuka adalah mengikut kalendar akademik yang sedang berkuat kuasa. Ringkasan pengoperasian adalah seperti di **Jadual 7**.

Pakaian Seragam dan Kehadiran Murid ke Sekolah

Murid digalakkan untuk memakai pakaian seragam sekolah. Walau bagaimanapun, murid dibenarkan memakai pakaian yang sesuai dan kemas serta sopan jika pakaian seragam sekolah sedia ada tidak lagi sesuai dipakai.

Sekiranya ibu bapa/penjaga memilih untuk tidak menghantar anak ke sekolah, ketidakhadiran tersebut tidak dianggap sebagai satu kesalahan disiplin. Namun, ibu bapa/penjaga perlu memaklumkan ketidakhadiran murid kepada pihak sekolah bagi tujuan rekod.

Ujian Saringan COVID-19

KPM telah menetapkan agar pelaksanaan ujian saringan COVID-19 bagi murid sekolah rendah bawah Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dilakukan secara sendiri oleh murid di rumah dengan bimbingan ibu bapa/penjaga dan mengikut garis panduan yang disediakan KPM. Pihak sekolah mengenal pasti murid yang terlibat dan akan mengedarkan kit ujian sendiri berserta Slip Pengesahan Pelaksanaan Ujian Kendiri COVID-19 untuk dibawa pulang oleh murid. Keputusan ujian saringan perlu dilaporkan kepada pihak sekolah mengikut garis panduan yang ditetapkan.

KPM juga menyarankan agar ketetapan pengoperasian pendidikan ini turut terpakai di semua institusi pendidikan yang tidak berdaftar dengan KPM.

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

– TAMAT –

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5 MAC 2022

**PENGOPERASIAN INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BAGI KALENDAR
AKADEMIK PENGGAL 1, SESI 2022/2023**

Jadual 1: Sekolah Rendah Enrolmen Lebih 600 Murid

Tanpa Penggiliran	Secara Penggiliran
MBK (SKPK & PPKI)	Tahun 3
Prasekolah	Tahun 4
Tahun 1	Tahun 5
Tahun 2	
Tahun 6	
Semua Murid RMT	
<p>Ketetapan terpakai kepada sekolah swasta termasuk sekolah ekspatriat dan sekolah antarabangsa yang setara dengan sekolah rendah KPM.</p>	

Jadual 2: Sekolah Rendah Enrolmen Kurang 600 Murid

Tanpa Penggiliran
<p>Murid sekolah rendah harian dan sekolah rendah swasta termasuk sekolah ekspatriat dan sekolah antarabangsa yang enrolmen kurang 600 murid hadir tanpa penggiliran.</p> <p>*Sekolah rendah swasta, termasuk sekolah ekspatriat dan sekolah antarabangsa dengan enrolmen melebihi 600 boleh mengemukakan permohonan kepada KPM untuk beroperasi sepenuhnya tanpa penggiliran.</p>

Jadual 3: Sekolah Menengah

Tanpa Penggiliran
<p>MBK (SMKPK, SMPKV & PPKI)</p> <p>Peralihan</p> <p>Tingkatan 1</p> <p>Tingkatan 2</p> <p>Tingkatan 3</p> <p>Tingkatan 4</p> <p>Tingkatan 5</p> <p>Tingkatan 6</p> <p>Prauniversiti</p> <p>IBDP</p> <p>Peperiksaan Antarabangsa Setara</p>
<p>Semua murid sekolah menengah menjalani Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) untuk tempoh dua (2) minggu mulai 21 Mac 2022.</p> <p>Semua murid sekolah menengah hadir secara bersemuka tanpa penggiliran bermula pada 4 April 2022.</p> <p>Ketetapan terpakai kepada sekolah swasta termasuk sekolah ekspatriat dan sekolah antarabangsa yang setara dengan sekolah menengah KPM.</p>

Jadual 4: Sekolah Berasrama Sepenuhnya

Tanpa Penggiliran	PdPR
Tingkatan 2 Tingkatan 3 Tingkatan 4 Tingkatan 5 Tingkatan 6 Prauniversiti IBDP Peperiksaan Antarabangsa Setara	*Tingkatan 1
<p>*Murid Tingkatan 1 yang berjaya memasuki sekolah berasrama sepenuhnya, boleh memilih sama ada menjalani PdPR atau menumpang di sekolah harian yang berdekatan kediaman sehingga tarikh kemasukan ke sekolah berasrama diumumkan.</p> <p>Sekolah swasta berasrama sepenuhnya yang mempunyai kapasiti untuk menguruskan keseluruhan murid, sekolah boleh beroperasi sepenuhnya termasuk murid baharu Tingkatan 1.</p>	

Jadual 5: Kolej Vokasional

Tanpa Penggiliran Mengikut Takwim Pengajian Akademik
i) Sijil Vokasional Malaysia ii) Diploma Vokasional Malaysia

Jadual 6: Kolej Matrikulasi

Tanpa Penggiliran	
i)	Sistem Empat Semester – Murid Semester II dan Semester IV
ii)	Sistem Dua Semester – Murid Semester II

Jadual 7: Institut Pendidikan Guru

Tanpa Penggiliran Mengikut Kalendar Akademik	
i)	Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan
ii)	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
iii)	Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan
iv)	Program Diploma Perguruan Malaysia
v)	Program Intervensi Tambah Opsyen

– TAMAT –